

KENYATAAN MEDIA

SAMBUTAN PERAYAAN TAHUN BARU CINA PERINGKAT NEGERI SELANGOR TAHUN 2024

SHAH ALAM, 15 FEBRUARI 2024 – Kerajaan Negeri Selangor akan menganjurkan Sambutan Perayaan Tahun Baru Cina Peringkat Negeri Selangor Tahun 2024 pada 24 Februari 2024 (Sabtu). Berbanding tahun lepas dimana, acara sambutan perayaan tahun baru Cina peringkat Negeri Selangor telah diadakan di beberapa lokasi antaranya Dewan Bankuet MBSA, Laman MBSA, Dataran Kemerdekaan MBSA dan Auditorium MBSA. Pada tahun ini, acara sambutan ini akan diadakan di salah satu pusat membeli belah terkemuka di Selangor iaitu di IOI City Mall, Lebuhraya IRC, IOI Resort City, Sepang.

Secara tradisinya, masyarakat Cina menyambut perayaan Tahun Baru Cina secara besar-besaran setiap tahun dan sangat meriah di Malaysia memandangkan kaum Cina merupakan populasi kedua terbesar di negara ini yang disambut bersama rakyat di negara ini selain Hari Raya Aidilfitri, Deepavali dan Krismas.

Dengan adanya sambutan perayaan ini adalah diharapkan agar ianya dapat merapatkan lagi hubungan di antara pemimpin dengan masyarakat khususnya di Negeri Selangor serta memupuk persefahaman dalam masyarakat di negara ini serta melambangkan keistimewaan budaya yang ada di negara ini terdiri dari pelbagai kaum dan menganiuti pelbagai agama.

Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, Sultan Selangor telah berkenan untuk mencemar duli berangkat hadir bagi menyempurnakan majlis ini bersama Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Hajah Norashikin, Tengku Permaisuri Selangor.

..2/

Majlis ini juga akan turut dihadiri oleh Kerabat DiRaja Selangor, YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor & Isteri, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ketua – ketua Jabatan, wakil-wakil Kedutaan Asing, persatuan/ dewan-dewan perniagaan antarabangsa/ tempatan, pemegang taruh Industri dan pelaburan di Negeri Selangor serta seluruh warga Selangor. Dianggarkan sekitar 15,000 orang yang akan mengunjungi pusat beli belah IOI City Mall, Putrajaya dan menyemarakkan lagi Sambutan Perayaan Tahun Baru Cina Peringkat Negeri Selangor Tahun 2024.

Majlis “Sambutan Perayaan Tahun Baru Cina Peringkat Negeri Selangor Tahun 2024” akan diadakan seperti butiran berikut:-

Tarikh : **24 Februari 2024 (Sabtu)**
Tempat : **Foyer Symphony 3, IOI City Mall,
Lebuh IRC, IOI Resort City, 62502
Putrajaya, Sepang**
Masa : **10.00pagi —6.00petang**

Majlis ini bakal menyaksikan penampilan pelbagai persembahan kebudayaan seperti gabungan dari pelbagai jenis tarian tradisional Malaysia seperti tarian naga, tarian singa, gamelan dan drum serta okestra yang melambangkan sebahagian daripada warisan dan budaya tradisional yang terdapat di Malaysia. Bagi memeriahkan lagi sambutan perayaan ini, tradisi penyampaian sumbangan ‘angpow’ kepada kanak-kanak berusia di bawah umur 12 tahun dan pemberian limau akan turut diadakan.

Program bertemakan “Perayaan Muafakat” bakal menyaksikan 5 persembahan utama yang melibatkan pengarah seni tempatan, Anthony Meh yang akan mengetuai kumpulan tarian Dua Space Dance Theatre dalam mengatur dan membuat koreografi persembahan. Di samping itu, artis dan kumpulan yang mengambil bahagian dalam persembahan bersama-sama termasuk ASK Dance Company, Vahaara Arts Dance Studio, VIVO Experimental Orchestra, Souls Impact, Khuan Loke Dragon & Lion Dance Association dan Yu Hua Dragon & Lion Dance Association - Kajang. Pra-Persembahan dan Persembahan Utama dijangka berlangsung selama 30 minit.

Antara pengisian lain yang disediakan, adalah **bengkel** dan **aktiviti** yang dibahagikan kepada empat kawasan yang merujuk kepada 4 unsur asas dalam kehidupan seharian kita yang bertempat di LG East Court, IOI City Mall Putrajaya seperti:

- i. Pakaian – Poskad Kain Rahmat DIY
- ii. Makanan – Jawab Teka Teki dan Menangi Beras Lestari
- iii. Perumahan – Lukisan Jubin Naga
- iv. Pengangkutan – Tanglung Chap Goh Mei Buatan Tangan;

Orang ramai yang bercadang untuk menghadiri ke lokasi sambutan boleh menggunakan pengangkutan awam perkongsian kenderaan - Van DRT (Demand-Responsive Transit) Mobiliti Selangor juga tersedia untuk membawa penumpang dari 60 lokasi sekitar Serdang ke IOI City Mall dengan caj serendah RM2.

Muat turun aplikasi “**Trek App**” untuk mendapatkan jadual lokasi & waktu operasi Van DRT Mobiliti Selangor semasa Sambutan Perayaan Tahun Baru Cina Peringkat Negeri Selangor Tahun 2024 di pautan berikut:-

Apple App Store

<https://apps.apple.com/my/app/trek-app/id1481314544>

Google Play Store

<https://play.google.com/store/apps/details?id=com.asiamobiliti.trek>

Kod QR



- 4 -

YB Tuan Ng Sze Han, EXCO Pelaburan, Perdagangan & Mobiliti, Negeri Selangor dalam sidang media berkata, “Saya dengan ini ingin mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina, Gong Xi Fa Cai kepada masyarakat Tionghua di negara ini khususnya yang tinggal dan menetap di Negeri Selangor yang telah merayakannya pada 10 Februari yang lalu. Justeru itu, semua lapisan masyarakat di Negeri Selangor dijemput untuk hadir ke Sambutan Perayaan Tahun Baru Cina Peringkat Negeri Selangor Tahun 2024 pada 24hb Februari 2024 bermula jam 10.00 pagi hingga 6.00 petang di IOI City Mall, Putrajaya.

Untuk maklumat lanjut mengenai program ini, sila hubungi pihak Invest Selangor, Puan Haslinda/ Puan Maryani di talian 03-5510 2005 atau haslinda@investselangor.my/ maryani@investselangor.my

Untuk maklumat pelaburan negeri Selangor, sila lawati www.investselangor.my

-Tamat -